

Analisis Kritikan ‘Azwu Karya *al-Munabbihat* kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani

Critical Analysis on the ‘Azwu of *al-Munabbihat* to Ibn Hajar al-‘Asqalani

MOHD NOR ADZHAR IBRAHIM^{1*}, MOHAMMAD NAQIB HAMDAN², MOHD KHAIRULNAZRIN MOHD NASIR³ & MUHAMMAD SOBRI FAISAL²

¹Jabatan al-Quran, Sekolah Menengah Islam IQKL, 2916, Jalan 3/71B Taman Tun Dr Ismail, 60000 Kuala Lumpur

²Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor.

³Jabatan Usuluddin, Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS), 15730 Kota Bharu Kelantan

*Corresponding Author; email: zulfaq3r_28@hotmail.com

Received: 4 January 2023

Revised: 24 February 2023

Accepted: 12 July 2023

Publish: 1 September 2023

ABSTRAK

*Ibn Hajar al-‘Asqalani merupakan seorang tokoh agung dalam bidang hadis. Ketokohan beliau dapat dilihat melalui penghasilan 273 buah karya dalam pelbagai disiplin. Satu karya yang masyhur dan disandarkan penulisannya kepada beliau adalah *al-Munabbihat* ‘ala al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad. Walau bagaimanapun, sandaran karya ini kepada beliau mula dipertikaikan oleh para pengkaji hadis kontemporari apabila kesukaran menjalankan proses takhrij terhadap pelbagai hadis yang dimuatkan dalam karya ini sehingga menyebabkan sumber dan statusnya diragui. Hal ini tidak mencerminkan ketokohan Ibn Hajar al-‘Asqalani yang digelar sebagai Amir al-Mu’mimin dalam bidang hadis. Oleh itu, kajian ini ditulis untuk menilai semula keabsahan sandaran kitab *al-Munabbihat* ‘ala al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani. Kaedah kajian kepustakaan berdasarkan kajian kualitatif melalui reka bentuk analisis kandungan dan perbandingan dengan karya beliau yang lain digunakan sepenuhnya dalam proses pengumpulan dan penganalisisan data. Hasil kajian mendapati karya ini bukanlah hasil penulisan Ibn Hajar al-‘Asqalani dan sandarannya kepada beliau sejak 132 tahun lalu adalah tidak tepat. Justeru, karya ini tidak wajar terus disandarkan kepada beliau walaupun dilakukan ramai pihak pada hari ini kerana sandaran ini akan mencalarkan reputasi beliau sebagai tokoh agung dalam bidang hadis.*

Kata kunci: *Ibn Hajar al-‘Asqalani; kajian manuskrip; metode ahli hadis; al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad; penyandaran palsu*

ABSTRACT

*Ibn Hajar al-‘Asqalani is a prominent figure in the field of hadith. His prominence is evident through the production of 273 works across diverse fields. The renowned literary work, *al-Munabbihat* ‘ala al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad, is a well-known work commonly attributed to him. However, contemporary hadith experts have raised questions regarding the authorship of this particular work due to the challenges associated with applying the takhrij methodology to the numerous hadiths included therein, thereby creating uncertainty surrounding its provenance and standing. For this reason, the significance of Ibn Hajar al-‘Asqalani, who held the honorific title of Amir al-Mu’mimin in the realm of hadith, has not been duly acknowledged. Thus, the present study is intended to reassess the authenticity and credibility of Ibn Hajar al-‘Asqalani’s attribution of *al-Munabbihat* ‘ala al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad to his oeuvre. This study employs a qualitative research method, specifically content analysis, and draws comparisons with other literary works authored by Ibn Hajar al-‘Asqalani. Research findings conclude that the authorship of the book in question cannot be attributed to Ibn Hajar al-‘Asqalani and that the false authorship has persisted for a period of 132 years. Therefore,*

it is deemed inappropriate to persist with his affiliation with such an authorship, despite the fact that multiple parties are currently engaging in such activity, as it will potentially tarnish his reputation as a significant figure in the realm of hadith.

Keywords: Ibn Hajar al-'Asqalani; manuscript research; ahl al-hadith research methodology; al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad; false authorship

PENGENALAN

Karya yang dihasilkan oleh seseorang tokoh merupakan salah satu bentuk sumbangannya terhadap dunia keilmuan dan merupakan legasi yang ditinggalkan untuk menjadi rujukan umat Islam terkemudian. Pada masa yang sama, karyanya yang ditinggalkan ini menjadi manifestasi diri pengarang yang mencerminkan ketokohan, nilai keilmuan, kepakaran dan penguasaan bidang. Selain itu, karya juga mencerminkan keunikan manhaj penulisan ilmiah yang diamalkan oleh pengarang itu sendiri. Walau bagaimanapun, ketokohan beliau akan tercaltar jika sesebuah karya disandarkan secara palsu kepada diri pengarang dalam keadaan masyarakat menganggap karya tersebut merupakan hasil tulisannya berdasarkan nama yang terpamer kulit buku tersebut. Justeru, Patrick Juola (2008) menjelaskan bahawa penentuan karakter pengarang dan dokumen tulisannya merupakan satu perbahasan yang panjang dalam sejarah dan melibatkan aplikasi yang luas. Perkara yang sama turut ditegaskan oleh al-Anis (2022). Menurut Ali Mehri et al. (2012), penentuan karakter pengarang dan dokumen tulisannya merupakan isu yang penting dalam kajian kontemporari. Isu ini bukan sahaja berlebar dalam bidang pencarian maklumat, bahkan turut melibatkan banyak disiplin lain sehingga menjadikan analisis kepengarangan sebagai salah satu matlamat penting dalam perlombongan teks (*text mining*).

Dalam kajian moden, Mosteller dan Wallace (1963) telah menjalankan satu kajian rintis berkaitan atribusi kepengarangan buku melalui kaedah penelitian terhadap fungsi kekerapan perkataan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian mereka telah dipertikaikan. Justeru, ia membuka ruang penyelidikan yang lebih luas dalam konteks ini. Oleh kerana terdapat peningkatan secara automatik terhadap keperluan analisis kepengarangan, maka terdapat banyak kajian yang telah dibuat berkaitan isu ini. Dalam kajian Harold (2002), Gerald (2002), Patrick (2006) dan Philip & Sujeet (2007), pelbagai aspek analisis kepengarangan yang disentuh seperti pengenalpastian kepengarangan, perincian kepengarangan dan pengesahan persamaan. Menurut Ali Mehri et al. (2012), dapatan kajian ini

telah memainkan peranan penting dalam analisis forensik, pengesahan plagiarism, penapisan spam, pengurusan maklumat dan banyak aplikasi linguistik yang lain. Sehingga kini, banyak ciri tekstual dan pelbagai teknik pengelasan digunakan untuk tujuan ini. Oleh itu, analisis Zipf, metrik entropik dan banyak lagi ciri lain yang telah diperkenalkan (Shlomo 1995, Dario 2002, Albert et al. 2003, Talis et al. 2005, Osvaldo et al. 2009). Hasilnya, orang ramai pada hari ini telah mampu mengelaskan ciri tekstual kepada beberapa kategori seperti leksikal, sintaksi dan semantik. Perangkaan analisis seperti Naïve Bayes dan mesin kaedah pembelajaran seperti pepohon keputusan (*decision trees*), rangkaian saraf (*neural networks*) dan mesin vektor sokongan (*support vector machines*) merupakan teknik klasifikasi yang paling menjanjikan ketepatan dan sering digunakan dalam kesusasteraan (Ali Mehri et al. 2012).


Walau bagaimanapun, Mustafa (2022) berpandangan bahawa perbahasan tentang metodologi kajian atribusi kepengarangan yang rancak dibangunkan sejak kebelakangan ini membawa kepada gerakan yang keras mendokong penisihan ilmu metodologi ini kepada Barat. Keadaan menjadi lebih menyedihkan apabila dalam masa yang sama usaha-usaha ulama, khususnya pakar dalam bidang hadis terdahulu yang membangunkan metodologi khusus berkaitan hal ini dilupakan, sedangkan dengan menggunakan metodologi tersebut, para ulama silam berhasil menyelesaikan banyak isu berkaitan suntingan manuskrip (*tahqiq al-makhtutat*). Mereka melakukan perbandingan antara pelbagai manuskrip yang ada pada tajuk yang sama, melakukan pembetulan bagi kesalahan yang berlaku, memperbaiki masalah keguguran atau pertambahan teks, serta mengenal pasti nama pengarang dan atribusi kepengarangan kepadanya. Rentetan itu, kajian ini berpandangan bahawa kaedah moden yang dibangunkan oleh Barat tidak dapat diaplifikasi dalam kajian atribusi kepengarangan karya Islam silam kerana para pengkaji dan peneliti manuskrip Islam mempunyai kaedah tersendiri dalam mengenal pasti keabsahan penyandaran sesebuah karya kepada pengarangnya. Oleh kerana perbahasan tentang kajian atribusi

kepengarangan karya Islam merupakan suatu perbincangan yang panjang dalam ilmu kajian manuskrip kerana mempunyai kaedah tertentu yang disusun oleh ulama (al-Anis 2022), maka menurut Mustafa (2022), perkara paling penting yang perlu dilakukan bagi peneliti dan penyunting manuskrip sebelum memulakan kajian terhadap isi kandungan manuskrip tersebut ialah mengenal pasti ketulenan penyandaran sesuatu karya kepada pengarang asalnya. Hal ini adalah penting bagi mengelakkan perbuatan merendah-rendahkan martabat keilmuan seseorang tokoh dan sangkaan buruk berlaku terhadapnya. Oleh kerana itu, para ulama hadis mendahulukan kajian atribusi kepengarangan dalam kajian manuskrip. Bagi mencapai matlamat yang ditetapkan itu, mereka menggunakan pelbagai kaedah seperti kritik matan (*naqd al-matan*) dengan cara melihat kepada sejarah penulisan karya tersebut atau mengetahui gaya bahasa penulis karya

(*uslub al-katib*). Justeru, menggunakan kaedah-kaedah tersebut, artikel ini ditulis untuk menyorot keabsahan penyandaran karya *al-Munabbihat ‘ala al-Isti‘ad li Yawm al-Ma‘ad* kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani. Kajian ini dilihat sebagai suatu yang penting kerana pembebasan Ibn Hajar al-‘Asqalani daripada karya ini memberi implikasi besar terhadap ketokohan beliau dalam bidang hadis.

LATAR BELAKANG KARYA *AL-MUNABBIHAT* *'ALA AL-ISTI'DAD LI YAWM AL-MA'AD*

Karya bercetak tertua yang dijumpai disandarkan penulisannya kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani berjudul *Munabbihat* diterbitkan di Lahore, Pakistan pada tahun 1312H bersamaan 1895M, iaitu sekitar 132 tahun yang lalu. Nama beliau disebutkan secara jelas pada bahagian mukadimah kitab sebagaimana yang boleh dilihat dalam Rajah 1 di bawah:



RAJAH 1. Nama Ibn Hajar al-‘Asqalani disebutkan pada mukadimah karya *al-Munabbihat ‘ala al-Isti‘ad li Yawm al-Ma‘ad* naskhah Lahore, Pakistan


Semenjak itu, karya ini tersebar luas ke segenap penjuru dunia, diterjemahkan ke pelbagai bahasa, diulas dan dijadikan subjek kajian di peringkat pasca siswazah sebagai sebuah karya tulisan Ibn Hajar al-‘Asqalani. Sehingga ke hari ini, penyandaran karya *Munabbihat* kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani masih lagi kekal. Penemuan beberapa karya bercetak yang diterbitkan dengan judul yang sedikit berbeza

antara satu sama lain menjadi justifikasi kenyataan ini. Contohnya, karya yang dicetak dengan judul *al-Isti‘ad li Yawm al-Ma‘ad* telah disunting dan dikomentar oleh ‘Adil Abu al-Ma‘ati (1986) dan diterbitkan di Kaherah oleh syarikat penerbitan al-Basyir. Pada bahagian mukadimah, nama Ibn Hajar al-‘Asqalani disebut dengan jelas sebagai pengarangnya. Selain itu, karya ini juga telah

disunting oleh ‘Umar al-Dirawi Abu Hajlah (t.t) dan diterbitkan di Beirut oleh Muassasah al-Ma’arif. Di samping itu, karya ini ditemui dicetak dengan judul *al-Munabbihat ‘ala al-Isti’dad li Yawm al-Ma’ad*. Karya ini telah disunting oleh Muhammad Adib al-Jadu (2003) dan diterbitkan di Kuwait oleh Dar Iqra’ li al-Tiba‘ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi’.

Karya ini juga telah diterjemah ke dalam pelbagai bahasa. Contohnya, karya ini dengan judul asalnya *El-Isti’dad Li Jewmi El-Maed* atau *al-Isti’dad li Yawm al-Ma’ad* telah dialih bahasa ke

dalam bahasa Bosnia dan Herzegovina dengan judul *Priprema za Dan Povratka*. Karya ini diterbitkan pada tahun 1999 dan nama Ibn Hadžer el Askalani tertulis secara jelas pada kulit karya ini menunjukkan karya ini disandarkan kepadanya. Selain itu, nama Ibn Hajar al-‘Asqalani juga ditulis pada pada kulit karya *Terjemah Nashaihul Ibad* yang diterbitkan oleh Penerbit Pustaka Amani pada tahun 2002. Kesemua contoh karya yang disebutkan ini dapat dilihat dalam Rajah 2 di bawah:




RAJAH 2. Kulit karya *Munabbihat ‘ala al-Isti’dad li Yawm al-Ma’ad* yang terdapat di pasaran ditulis dengan nama Ibn Hajar al-‘Asqalani

Selain itu, karya *al-Isti’dad li Yawm al-Ma’ad* turut disandarkan kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani dalam penulisan-penulisan ilmiah yang bersifat akademik. Sekadar menyebutkan beberapa contoh, penyandaran ini dinyatakan oleh Saepulloh (2006), Damanhuri (2007) dan Siti Ulfah (2008) dalam kajian latihan ilmiah mereka, Urwatul Wusqa (2004) dan Endang Mukhlis Hidayat (2011) dalam disertasi sarjana mereka dan Arwansyah Kirin (2016) dalam tesis kedoktorannya. Selain itu, Muhammad Mukhlis & Zulkifli (2015) turut menyenaraikan karya ini sebagai salah satu hasil sumbangan Ibn Hajar al-‘Asqalani kepada bidang hadis dalam bukunya. Bahkan, kajian dalam makalah terkini oleh Arwansyah et al. (2023) masih menyandarkan karya ini kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani.

Isu ini menjadi semakin rumit apabila karya ini menjadi lebih masyhur melalui ulasan oleh seorang tokoh ulama prolifik Nusantara yang berasal daripada Banten, Indonesia bernama Muhammad

Nawawi bin Umar al-Bantani atau lebih dikenali oleh masyarakat Indonesia dengan nama K.H Nawawi Putra Banten (Karel 1984; Ahmad Levi et al. 2015). Hal ini kerana beliau merupakan salah seorang tokoh ilmuwan Nusantara yang menjadi tenaga pengajar di Kota Mekah dan Madinah sebaris tokoh hebat lain seperti ‘Abd al-Samad al-Falimbani, Muhammad Arsyad al-Banjari, Sheikh Muhammad Nafis al-Banjari, Ahmad Khatib al-Sambasi, ‘Abdul Karim al-Bantani, Shaykh Ahmad Nahrawi al-Banyumasi, Muhammad Mahfuz al-Tarmasi, Muhsin al-Falimbani, Muhammad Yasin al-Fadani dan lain-lain (Saifuddin Zuhri Qudsyy 2021). Dengan keluasan ilmu yang dimiliki oleh al-Bantani, beliau berhasil mengarang sejumlah 115 karya (Ensiklopedia Islam 1994; Arwansyah et al. 2020) dan salah satunya ialah syarah terhadap karya *Munabbihat* berjudul *Nasa’ih al-‘Ibad* yang ditulis dalam bahasa Arab (Jawiah Dakir et al. 2012). Perkara ini boleh dilihat dalam Rajah 3 di bawah:



RAJAH 3. Maklumat yang tercatat pada kulit karya *Nasa'i al-'Ibad* secara jelas menyandarkan *al-Munabbihat 'ala al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad* sebagai karya asli tulisan Ibn Hajar al-'Asqalani

Sekalipun keadaannya sedemikian, kajian ini mendapati bahawa al-Bantani tidak membangkitkan isu kepenggarangan kitab ini dalam mukadimahnya, bahkan meneruskan penyandarannya kepada Ibn Hajar al-'Asqalani, termasuk pada kulit utama karya *Nasa'i al-'Ibad* sebagaimana yang tertera dalam rajah 3 di atas. Oleh kerana karya ini digunakan secara meluas di Nusantara, terutamanya Indonesia untuk tempoh yang lama (Ahmad Levi et al. 2012; Arwansyah et al. 2020), maka keadaan ini boleh menjelaskan reputasi al-Bantani yang diperakui oleh ulama Nusantara dan Arab.

Kemudian, nama Ibn Hajar al-'Asqalani terus semakin dikenali secara meluas oleh masyarakat Nusantara sebagai pengarang *al-Munabbihat 'ala al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad* apabila karya *Nasa'i al-'Ibad* memainkan peranan penting dan mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam pengajian hadis di rantau ini. Jika ditelusuri, perkembangan pengajian hadis di Nusantara seiring dengan perkembangan ilmu-ilmu agama yang lain. Bermula dari pengajian berbentuk halakah di rumah tuan guru, kemudiannya pengajian ini berkembang ke pengajian di surau dan masjid. Fasa seterusnya melahirkan institusi pengajian yang lebih teratur di pondok dengan silibus pengajian kitab hadis turath (Nur Syahadah & Mohd Akil 2016). Justeru, bagi memenuhi tuntutan kegiatan penyebaran ilmu pengetahuan yang merupakan salah satu bentuk pengimaran rumah Allah SWT yang berperanan

menyeru manusia ke arah mengingati-Nya dan meningkatkan ketakwaan sebagaimana yang disebutkan dalam ayat 18 surah al-Tawbah, maka kitab *Nasa'i al-'Ibad* masih disyarahkan dan diajar di masjid, surau, pondok pesantren dan di dalam halakah yang terdapat di pelosok Indonesia semenjak ditulis oleh al-Bantani hingga kini (Abd Hadi et al. 2020; Arwansyah et al. 2020). Malah, bagi mengoptimumkan manfaat karya ini kepada masyarakat awam, ia telah diterjemah ke dalam bahasa Indonesia oleh I. Solihin pada tahun 2002 dan ke dalam bahasa Malaysia oleh Abu Mazaya pada tahun 2010.

Berdasarkan data-data di atas, maka tiada keraguan bahawa karya ini sememangnya digambarkan sebagai hasil penulisan asli milik Ibn Hajar al-'Asqalani. Walau bagaimanapun, penyandaran ini mula diragui apabila hadis yang dinyatakan dalam karya ini disandarkan kepada Rasulullah SAW walaupun tidak berstatus *marfu'*. Pada masa yang sama, statusnya juga tidak dinyatakan. Bahkan, kajian Mohd Nor Adzhar (2014) mendapati 94.1% daripada hadis tersebut tidak berstatus *maqbul*. Justeru, isu keabsahan penyandaran karya ini kepada Ibn Hajar al-'Asqalani berbangkit di sini. Selaku pengarang karya hebat rujukan umat sepanjang zaman seperti *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*, sudah tentu Ibn Hajar al-'Asqalani mempunyai piawai yang tinggi dalam penulisan (Mohd. Napiah 1982), atau

sekurang-kurangnya menyamai piawai penyusunan karya *al-Adab al-Mufrad*. Namun, tinjauan awal oleh pengkaji terhadap isi kandungan yang disajikan dalam karya *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* tidak mencerminkan penulisan yang selayaknya untuk dinisahkan kepada beliau selaku *Amir al-Mu‘minin* dalam bidang hadis.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan berdasarkan pendekatan kualitatif secara kepustakaan. Sumber data bagi kajian ini menggunakan data primer melalui buku atau manuskrip bertajuk *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad*. Selain itu, semakan bersilang turut dilakukan melibatkan karya penulisan Ibn Hajar al-‘Asqalani sendiri dalam bukunya yang lain dan menjadi rujukan utama dalam meneliti metodologi beliau dalam penulisan hadis seperti *Bulugh al-Maram*. Semakan silang ini penting untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan antara buku yang disandarkan secara tepat kepada beliau dengan buku *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* ini. Antara perkara yang dilihat seperti salinan foto manuskrip asal, kaedah penulisan hadis dan status hadis yang digunakan. Seterusnya, semakan turut dilakukan terhadap fakta-fakta yang dikemukakan oleh ulama sezaman dan murid terdekat seperti al-Sakhawi yang mencatat biografi gurunya serta catatan-catatan bibliophil oleh tokoh terkemudian.

PENYANDARAN SESEBUAH KARYA BUKAN KEPADA PENGARANGNYA

Di awal era penulisan, karya-karya yang ditulis diwariskan kepada generasi seterusnya secara bersanad. Contohnya, *al-Muwatta* karya Malik sampai kepada umat Islam hari ini dengan pelbagai riwayat seperti riwayat Yahya bin Yahya, riwayat Muhammad bin al-Hasan, riwayat Ahmad bin al-Qasim, riwayat Yahya bin Zakariya, riwayat Suwayd bin Sa‘id, riwayat Sa‘id bin Kathir, riwayat Ma‘n bin ‘Isa, riwayat ‘Ali bin Ziyad, riwayat ‘Abd al-Rahman bin al-Qasim, riwayat ‘Abdullah bin Maslamah dan riwayat Ahmad bin Isma‘il (al-Ghawri 2007). Menurut Ibn Hajar al-‘Asqalani (2013), sanad-sanad berperanan menjadi penyambung silsilah penyandaran kitab-kitab kepada pengarangnya. Justeru, sekuriti penisbahana kitab kepada pengarang asal terjaga dengan adanya sanad (‘Ali Jum‘ah 2004). Namun, apabila tradisi ini ditinggalkan, maka isu keabsahan penyandaran karya kepada pengarangnya mula timbul.

Terdapat dua kategori penyandaran yang berlegar dalam masalah ini. Kategori pertama, penyandaran karya secara palsu yang sengaja diadakan oleh pihak tertentu untuk tujuan tertentu. Dalam katagori ini, Masyhur Ali Salman (1995) telah membongkar kewujudan banyak karya yang disandarkan kepada bukan pengarangnya dan perkara itu tidak dapat dinafikan lagi. Karya-karya tersebut disandarkan secara palsu bukan kepada pengarangnya, sedangkan mereka berlepas diri daripada perbuatan tersebut. Hal ini dilakukan oleh para pendusta untuk menyebarkan ideologi salah mereka, sehingga mereka boleh menyelinap masuk dan melemparkan kebohongan kepada agama ini.

Dalam kategori ini, Masyhur Ali Salman (1995) mengumpulkan 50 contoh karya klasik yang ditulis oleh orang tertentu dan disandarkan penulisannya secara dusta kepada tokoh-tokoh tertentu. Sebagai contoh, karya *Ta‘bir al-Ru‘ya* dan *Muntakhab al-Kalam fi Tafsir al-Ahram* disandarkan kepada Ibn Sirin secara dusta. Menurut al-Zirikli (2002), Ibn al-Nadim berpandangan bahawa kedua-dua karya ini adalah dua karya yang berbeza. Walau bagaimanapun, kedua-dua karya ini tersebar luas serata dunia dengan pelbagai versi cetakan. Menurut Masyhur Ali Salman (1995), karya *Ta‘bir al-Ru‘ya* pertama kali disandarkan penulisannya kepada Ibn Sirin diterbitkan oleh syarikat percetakan Syaraf di Mesir pada tahun 1864. Kemudian, ia diulang cetak oleh penerbit yang sama pada tahun 1880, 1885 dan 1887. Ia juga diterbitkan oleh syarikat percetakan Muhammad Mustafa pada tahun 1883, syarikat percetakan al-Maymanah pada tahun 1889, syarikat percetakan al-‘Ilmiyyah pada tahun 1892. Kesemua syarikat percetakan ini berpangkalan di Mesir. Dalam masa yang sama, karya ini turut dicetak di luar negara-negara lain. Sebagai contoh, ia dicetak di Baghdad pada tahun 1961. Karya *Muntakhab al-Kalam fi Tafsir al-Ahram* pertama kali dinisahkan kepada Ibn Sirin telah diterbitkan di Bulaq pada tahun 1867 pada bahagian nota kaki bagi karya *Ta‘bir al-Anam* karya ‘Abd al-Ghani al-Nabulsi. Kemudian, ia diterbitkan di Kaherah pada tahun 1902 dan 1928. Ia juga diterbitkan di Lucknow pada tahun 1874, di Bombay pada tahun 1878 dan diterbitkan juga di negara-negara lain selepas itu.

Tidak dapat dinafikan bahawa Ibn Sirin memang mempunyai kepakaran mentafsir mimpi. Hal ini disahkan oleh al-Dhahabi (1990) dan beliau menganggap kelebihan Ibn Sirin itu sebagai satu bentuk pedoman ilahi. Walau bagaimanapun, al-Zirikli (2002) berpandangan bahawa karya *Muntakhab al-Kalam fi Tafsir al-Ahram* dan

Ta’bir al-Ru’ya bukanlah tulisan Ibn Sirin, namun disandarkan kepadanya secara palsu sehingga masyhur serata dunia menganggap karya itu sebagai karya tulisannya (Masyhur Ali Salman 1995).

Kategori kedua, penyandaran karya secara tidak tepat berlaku atas faktor kesilapan manusiaawi. Kesilapan dalam menyandarkan sesebuah karya kepada bukan pengarangnya didapati memang berlaku dalam sesetengah keadaan (Ramadan ‘Abd al-Tawwab 1985). Ia berlaku disebabkan beberapa faktor seperti kecuaian penyalin manuskrip, ketidaktelitian penyunting dalam memberi khidmat sewajarnya kepada manuskrip ataupun keterbatasan manuskrip yang ditemui sehingga penyunting tersebut hanya berpada dengan beberapa manuskrip yang ada padanya sahaja, sedangkan maklumat yang lebih sempurna berkenaan manuskrip tersebut ditemui selepas karya tersebut diterbitkan.

Sebagai contoh, manuskrip *al-Gharib al-Musannaf* bernombor 121 *lughah* yang tersimpan di Dar al-Kutub al-Misriyyah ditulis dengan judul *al-Gharib al-Musannaf li Abi ‘Amru al-Shaybani*, sedangkan karya ini sebenarnya adalah hasil tulisan Abu ‘Ubayd al-Qasim bin Sallam al-Harawi sebagai mana yang tercatat pada manuskrip yang lain. Kesalahan penyandaran ini berlaku disebabkan teks karya ini bermula dengan ayat, “Abu ‘Ubayd berkata, ‘Aku mendengar Abu ‘Amru al-Shaybani berkata..’” Oleh kerana halaman tajuk manuskrip ini telah hilang, maka penyalin manuskrip menyangka bahawa karya ini merupakan tulisan Abu ‘Amru al-Shaybani berdasarkan kenyataan ini (Ramadan ‘Abd al-Tawwab 1985).

Selain itu, karya *al-Burhan fi Wujuh al-Bayan* turut mengalami nasib yang sama. Menurut Hanafi Muhammad Syaraf (1969), karya ini telah diterbitkan pada tahun 1930. Kemudian, ia diulang

cetak pada tahun 1938 dengan judul *Naqd al-Nathar* dan disandarkan kepada Qudamah bin Ja‘far sebagai pengarangnya. Ketika itu, karya tersebut disunting oleh Taha Husayn dan ‘Abd al-Hamid al-‘Ubadi berdasarkan manuskrip bernombor 243 dalam katalog Derenburg, Jerman yang tersimpan di Perpustakaan al-Askuariyah. Apabila kajian dilakukan, didapati bahawa sebenarnya *Naqd al-Nathar* ini merupakan sebahagian daripada karya *al-Burhan fi Wujuh al-Bayan* karya Abi al-Husayn bin Wahb al-Katib. Justeru, ia disunting dan diterbitkan semula oleh Ahmad Matlub & Khadijah al-Hadithi pada tahun 1967 dan diterbitkan juga oleh Hanafi Muhammad Syaraf pada tahun 1969.

Selain itu, karya *al-Addad* yang disunting oleh August Haffner juga mengalami kesalahan penyandaran kepada bukan pengarangnya. August Haffner (2007) menyandarkan karya ini kepada al-Asma‘i, sedangkan isi kandungan karya menunjukkan bahawa ia merupakan karya Ibn al-Sikkit yang juga berjudul *al-Addad*. Menurut Ramadan ‘Abd al-Tawwab (1985), kesalahan penyandaran ini didapati berasal daripada manuskrip karya ini sendiri, di mana Ibn al-Sikkit memulakan penulisan manuskrip dengan menyebutkan riwayat yang diambilnya daripada al-Asma‘i. Oleh kerana keseluruhan karya tersebut menyenaraikan riwayat daripada al-Asma‘i, ditambah pula halaman tajuk manuskrip ini telah hilang, maka salah seorang penyalin manuskrip yang menyalin manuskrip ini menyandarkan karya ini kepada al-Asma‘i, bukan kepada Ibn al-Sikkit.

Berdasarkan kesemua situasi di atas, kajian ini dapat menyimpulkan beberapa faktor penyebab penyandaran karya bukan kepada pengarangnya dalam Jadual 1 di bawah:

JADUAL 1. Penyandaran Karya bukan kepada Pengarangnya

BIL	KATAGORI	FAKTOR BERLAKU
1	Sengaja melakukan penyandaran secara dusta	Cara termudah untuk menyebarluaskan ideologi yang salah Supaya pembaca mudah mempercayai isi kandungan yang disebarluaskan Pembunuhan karakter tokoh yang disandarkan karya itu kepadanya Kekeliruan dalam memahami teks pengarang asal Halaman tajuk karya asal hilang Kecuaian penyalin manuskrip
2	Tersilap dalam melakukan penyandaran	Maklumat tentang pengarang seperti nama, gelaran dan nama guru hampir sama Ketidaktelitian penyunting dalam memberi khidmat sewajarnya kepada manuskrip Keterbatasan manuskrip yang ditemui sehingga penyunting itu hanya berpada dengan beberapa manuskrip yang ada padanya sahaja, sedangkan maklumat yang lebih sempurna berkenaan manuskrip tersebut ditemui selepas karya tersebut diterbitkan

Kesimpulannya, isu keabsahan penyandaran karya kepada bukan pengarangnya memang wujud dalam dunia kesarjanaan Islam. Kewujudan sanad periwayatan sebagai elemen khusus untuk umat ini bukan sahaja dapat mengurangkan kemungkinan penyandaran palsu ini berlaku, bahkan memudahkan para pengkaji menganalisis keabsahan penyandaran tersebut dengan cara menelusuri tahap kepercayaan (*thiqah*) periwayatnya. Justeru, karya yang ditulis tanpa sanad, atau karya yang tidak disebut dalam karya-karya *tarajim*, atau masih berada dalam bentuk manuskrip, atau karya yang tidak diketahui berasal daripada pengarangnya berdasarkan kepada faktor legar karya tersebut dalam kalangan sahabat atau anak murid pengarang, atau karya yang diwarisi daripadanya selepas zamannya; maka penisbahannya kepada pengarangnya boleh dianggap tidak sahih sehingga dibuktikan sebaliknya. Melalui kaedah-kaedah ini, sesebuah karya asli boleh dibezakan daripada karya yang palsu sehingga akhirnya dapat menafikan isu penyelusupan dan pemalsuan nisbah karya kepada bukan penyarangnya (Masyhur Ali Salman 1995). Selain itu, jika berlaku kesilapan dalam penyandaran, sedangkan ia telahpun diterbitkan dalam bentuk karya bercetak, maka sewajarnya isu penyandaran karya tersebut kepada pengarangnya dikaji semula berdasarkan kepada pemenuhan fakta-fakta terkini supaya keabsahan maklumat penyandaran karya kepada pengarang


asalnya dapat dilakukan dan dikemaskini pada penerbitan seterusnya kerana ia merupakan sebahagian daripada bentuk amanah terhadap ilmu dan tokoh-tokoh ilmuwannya.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan penelitian pengkaji terhadap karya *al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad*, keabsahan penyandaran karya ini kepada Ibn Hajar al-'Asqalani diragui berdasarkan kriteria-kriteria berikut:

KEPELBAGAIAN VERSI MANUSKRIP DAN NAMA PENGARANG

Karya *al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad* ini mempunyai beberapa versi judul yang disandarkan pula kepada lebih daripada satu nama pengarang. Bahkan, menurut Syakir Mahmud 'Abd al-Mun'im (1997), kebanyakan manuskrip yang diteliti oleh beliau tidak mempunyai nama pengarang langsung. Hal ini menimbulkan keraguan terhadap identiti pengarang asal ini kerana namanya adalah bersifat *mubham* atau tidak diketahui. Namun berdasarkan satu manuskrip milik Institute of Oriental Culture University of Tokyo, nama al-Syeikh Zayn al-Qudat sebagai pengarang adalah tertera dengan jelas pada bahagian mukadimah manuskrip ini. Hal ini dapat dilihat dalam Rajah 4.




RAJAH 4. Petikan mukadimah manuskrip berjudul *Munabbihat 'ala al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad* yang disandarkan kepada al-Syeikh Zayn al-Qudat milik Institute of Oriental Culture, University of Tokyo

Walau bagaimanapun, perkataan *Zayn al-Qudat* yang bermaksud ‘perhiasan para kadi’ bukanlah satu pengenalan bagi indentiti seseorang yang dapat dipastikan secara tepat kerana ia adalah kata sifat yang biasa menjadi gelaran yang dipakai oleh orang-

orang tertentu. Justeru, penyebutannya sebagai penulis karya dalam manuskrip ini masih bersifat *mubham* yang tidak memberikan apa-apa justifikasi yang signifikan.

Kemudian, kajian Masyhur Ali Salman (1995) mendapati bahawa individu yang menyandang gelaran *Zayn al-Qudat* tersebut bernama Ahmad bin Muhammad. Hal ini adalah berdasarkan manuskrip bernombor 27824 yang dijumpai tersimpan dalam himpunan manuskrip simpanan Madrasah al-Hasaniyyah, Mosul. Justeru, beliau menyimpulkan bahawa penulis karya *Munabbihat 'ala al-Isti'dad*

li Yawm al-Ma'ad ialah seseorang bernama *Zayn al-Qudat* Ahmad bin Muhammad. Sebagai sokongan kepada daptan Masyhur Ali Salman, semakan yang dibuat oleh pengkaji terhadap manuskrip simpanan King Saud University bernombor 6937 turut mengesahkan penyandaran ini karya kepada Ahmad bin Muhammad. Hal ini dapat dilihat dalam Rajah 5.



RAJAH 5. Katalog karya *al-Munabbihat 'ala al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad* tulisan al-Syekh Zayn al-Qudat Ahmad bin Muhammad milik Malik Saud University

Penelitian terhadap catatan pada katalog ini mengesahkan daptan Masyhur Ali Salman (1995) bahawa *Zayn al-Qudat* ialah Ahmad bin Muhammad. Walau bagaimanapun, catatan yang terdapat pada bahagian akhir manuskrip milik Institute of Oriental Culture University of Tokyo mencadangkan identiti

Zayn al-Qudat adalah merujuk kepada Ibn Hajar al-'Asqalani. Catatan tersebut dibuat berdasarkan maklumat yang terdapat dalam Catalogue of the Arabic Manuscripts in the Daiber Collection bernombor 1019. Hal ini dapat dilihat dalam Rajah 6 di bawah:

fol. 62v-85r: *Ibn Hajar al-Asqalani: al-Munabbihat 'ala l-isti'dad li-yawm al-ma'ad.*

The title is mentioned 62v4 and can be identified by comparison with the Berlin mss. 8505p; 8706/1; 8706/2; 8766/3 and 8706/5. But the mss. show divergences; cf. ms. Berlin 8706/2 and ms. India Office Library (London) 187 which are slightly abridged. For further mss. and the editions see GAL II 69 nr. 34 and S II 74 nr. 34.; Catalogue of the Mingana Collection of Manuscripts IV = Islamic Arabic Manuscripts, Birmingham 1963, nr. 159 and 1029.

RAJAH 6. Catatan Hans Daiber tentang penyandaran karya *al-Munabbihat 'ala al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad* kepada Ibn Hajar al-'Asqalani

Menurut catatan Hans Daiber (1988) di atas, penyandaran karya ini kepada Ibn Hajar al-'Asqalani disebutkan secara jelas dan dapat dikenalpasti melalui kaedah perbandingan antara manuskrip-manuskrip Berlin bernombor 8505p, 8706/1, 8706/2, 8766/3 dan 8706/5. Walaupun kesemua

manuskrip tersebut menunjukkan perbezaan pada tajuknya, namun penyandaran karya ini kepada Ibn Hajar al-'Asqalani secara spesifik boleh dirujuk pada manuskrip Berlin bernombor 8706/2 dan manuskrip India Office Library, London bernombor 187 yang telah diringkaskan. Maklumat yang sama

dapat dilihat dalam manuskrip yang lebih lengkap bagi edisi-edisi tersebut dan ia dapat dirujuk dalam Geschichte der arabischen Littera II yang ditandai dengan kod 69 nr.34 dan 74 nr.34 (Brockelmann 1937). Ia juga turut direkodkan dalam Catalogue of the Mingana Collection of Manuscripts (Alphonse Mingana 2019) dan Islamic Arabic Manuscripts, Birmingham bernombor 1963, n.159 dan 1029.

Kesannya, terdapat karya yang diterbitkan di pasaran menyebutkan secara jelas dan pasti (*jazm*) bahawa karya ini merupakan hasil penulisan Ibn Hajar al-‘Asqalani. Hal ini telahpun dibincangkan dalam perbahasan pada bahagian mukadimah makalah ini. Sebagai contoh tambahan, penyandaran secara pasti ini dapat dilihat dalam Rajah 7 di bawah:

الحمدُ لِلّهِ فِي كُلِّ حَيْنٍ وَأَوْقَاتٍ، وَالصَّلَاةُ عَلَى رَسُولِهِ
أَشْرَفِ الْخَلْقِ وَالْبَرِيَّاتِ.

هَذِهِ مِنْبَهَاتٌ مَا صَنَفَهُ الشَّيْخُ شَهَابُ الْمَسْئَةِ وَالْحَقِّ
وَالدِّينِ أَحْمَدُ بْنُ عَلَيْهِ بْنُ مُحَمَّدٍ بْنِ أَحْمَدَ، الْعَسْقَلَانِيُّ
الْأَصْلُ ثُمَّ الْمَصْرِيُّ الشَّافِعِيُّ الشَّهِيرُ بْنُ الْحُجَّاجِ عَلَى
الْاسْتِعْدَادِ لِيَوْمِ الْمَعَادِ؟ فَغَانَ مِنْهَا مَا يَكُونُ مُشْتَىً،

RAJAH 7. Petikan mukadimah *al-Isti’dad li Yawm al-Ma’ad* terbitan Muassasah al-Ma’arif yang disandarkan penulisannya kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani

Selain daripada apa yang telah dinyatakan di atas, terdapat manuskrip lain yang turut menyandarkan karya ini kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani, namun dalam masa yang sama turut menyatakan nama lain sebagai pengarangnya pada halaman berbeza. Hal

ini dapat dilihat pada manuskrip *al-Munabbihat ‘ala al-Isti’dad li Yawm al-Ma’ad* yang tersimpan dalam perpustakaan Universiti King Saudi, Arab Saudi bernombor 744, 3316 dan 3964. Sebagai contoh, ia dapat dilihat dalam Rajah 8 di bawah:



RAJAH 8. Katalog karya *al-Munabbihat ‘ala al-Isti’dad li Yawm al-Ma’ad* tulisan al-Syeikh Zayn al-Qudat Ahmad bin Muhammad milik Malik Saud University bernombor 3964. Dalam masa yang sama, nama Ibn Hajar al-‘Asqalani dicatatkan pada halaman tajuk

Merujuk kepada manuskrip di atas, nama Ibn Hajar al-‘Asqalani tertera pada bahagian mukadimah manuskrip ini. Justeru, ia bermaksud karya ini disandarkan penulisannya kepada beliau secara pasti. Walau bagaimanapun, penyandaran ini bercanggah dengan ringkasan maklumat manuskrip yang tercatat pada halaman kedua manuskrip ini di mana nama *Zayn al-Qudat* Ahmad bin Muhammad al-Hajji tertera sebagai pengarangnya. Maklumat ini dicatat berdasarkan brosur Dar al-Kutub al-Misriyyah bernombor 3:112 dan berdasarkan catatan Haji Khalifah (1941) dalam *Kasyf al-Zunun*. Ironinya, keadaan ini dilihat berbeza dengan manuskrip *al-Munabbihat ‘ala al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* milik perpustakaan Universiti King Saud bernombor 6927 (rajah 5), di mana nama Ahmad bin Muhammad al-Hajji sahaja yang tertera dengan jelas pada bahagian mukadimah dan ia tidak pula bercanggah dengan ringkasan maklumat manuskrip yang tercatat pada halaman kedua.

Berdasarkan perbahasan ini, maka isu berkaitan penulis karya ini dapat disimpulkan kepada beberapa kesimpulan. Pertama, terdapat manuskrip yang langsung tidak diketahui penulisnya. Kedua, terdapat manuskrip yang hanya menyebutkan gelaran penulisnya sahaja, iaitu *Zayn al-Qudat*. Ketiga, terdapat manuskrip yang menyebutkan nama penulis berserta gelarannya, iaitu *Zayn al-Qudat* Ahmad bin Muhammad al-Hajji. Keempat, terdapat manuskrip yang menyandarkannya secara pasti kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani. Kelima,

terdapat manuskrip yang tertera dua pengarang berbeza dalam satu manuskrip, iaitu nama Ibn Hajar al-‘Asqalani pada muka hadapan manuskrip dan nama *Zayn al-Qudat* Ahmad bin Muhammad al-Hajji pada halaman kedua. Kesemua keadaan ini menjadi justifikasi jelas tentang keraguan terhadap keabsahan penyandaran karya ini secara pasti kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani.

METODE PENULISAN KARYA

Ketokohan Ibn Hajar al-‘Asqalani dalam bidang hadis tidak dapat disangkal lagi apabila beliau dinobatkan sebagai salah seorang daripada pemimpin orang beriman dalam bidang hadis (*Amir al-Mu’minin fi al-Hadith*) (‘Abd al-Sattar al-Syaikh 1992). Walau bagaimanapun, penulisan hadis dalam karya *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* ini dilihat tidak mencerminkan penulisnya sebagai seorang yang cermat dan begitu mahir dengan hadis serta seni ilmunya. Sebagai contoh, kajian ini membuat perbandingan antara hadis-hadis yang terdapat pada bab ‘dua perkara’ (*khaslatan*) dalam karya *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* (Ibn Hajar al-‘Asqalani t.t.) dengan hadis yang seumpama temanya yang terdapat dalam *kitab al-jami‘*, *bab al-rahb ‘an masawi’ al-akhlaq* yang terdapat dalam karya *Bulugh al-Maram* (Ibn Hajar al-‘Asqalani 2014). Perbandingan ini dapat dilihat dalam Jadual 2 di bawah:

JADUAL 2. Perbezaan metode penulisan hadis antara *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* dan *Bulugh al-Maram*

Bil.	<i>al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad</i>	<i>Bulugh al-Maram</i>
1	<p>مِنْهُ مَا رُوِيَ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: حَصْلَانٌ لَا شَيْءَ أَفْضَلُ مِنْهُمَا: الْإِيمَانُ بِاللَّهِ وَالنُّورُ لِلْمُسْلِمِينَ، وَحَصْلَانٌ لَا شَيْءَ أَخْبَثُ مِنْهُمَا: الشَّرُكُ بِاللَّهِ وَالظُّرُورُ بِالْمُسْلِمِينَ</p> <p>Maksudnya: Daripadanya (bab khaslatan) terdapat hadis yang diriwayatkan daripada Nabi SAW, sabda baginda: “Dua perkara yang tidak ada sesuatu pun yang lebih utama berbanding kedua-duanya; beriman kepada Allah dan memberi manfaat kepada orang Islam, dan dua perkara yang tidak ada sesuatu pun yang lebih buruk berbanding kedua-duanya; syirik kepada Allah dan memberi kemudarat kepada orang Islam.”</p> <p>وَقَالَ عَلَيْهِ السَّلَامُ: عَلَيْكُمْ بِنِحَالَةِ الْعُلَمَاءِ وَاسْتِمَاعِ كَلَامِ الْحُكَمَاءِ، فَإِنَّ اللَّهَ تَعَالَى يُحِبُّ الْقُلُوبَ الْمُبَتَدِئَاتِ بِنُورِ الْجَحَمَةِ كَمَا يُحِبُّ الْأَرْضَ الْمُبَتَدِئَاتِ بِمَاءِ الْحَطَرِ</p> <p>Maksudnya: Dan sabda Nabi SAW, “Kalian perlu duduk bersama ulama dan mendengar kalam orang bijaksana, kerana sesungguhnya Allah SWT akan menghidupkan hati yang mati dengan cahaya hikmah sebagaimana Dia menghidupkan bumi yang tandus dengan air hujan.”</p>	<p>عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: حَصْلَانٌ لَا يَجْمِعُنَّ فِي مُؤْمِنٍ الْبَخْلُ وَسُوءُ الْخُلُقُ. أَخْرَجَهُ التَّرْمِذِيُّ وَفِي سَنَدِهِ ضَعْفٌ</p> <p>Maksudnya: Daripada Abu Sa‘id al-Khudri RA, katanya: Rasulullah SAW bersabda, “Dua sifat yang jangan sampai berkumpul dalam diri seorang muslim, iaitu bersifat kedekut dan berakhlak buruk.” Riwayat Tirmidhi dan terdapat kelemahan pada sanadnya.</p>
2		bersambung ...

... sambungan

وَعَن النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَا صَنَفَرَةَ مَعَ الْأَصْرَارِ وَلَا كَبِيرَةَ مَعَ الْأَسْتَغْفَارِ

- 3 Maksudnya: Dan daripada Nabi SAW, (baginda bersabda): “Tidak dianggap dosa kecil jika dikerjakan secara berterusan dan tidak dianggap dosa besar jika disertai dengan permohonan keampunan.”

قَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَصْنَلْ جَمِيعَ الْخَطَايَا
حُبُّ الدُّنْيَا وَأَصْنَلْ جَمِيعَ الْفَيْنَ مِنْعَ الْعُشْرِ وَالرَّكَاءِ

- 4 Maksudnya: Sabda Nabi SAW: “Asal bagi segala kejahatan ialah cintakan dunia dan asal bagi segala ujian ialah keengganan membayar satu persepuhl harta dan mengeluarkan zakat.”

Berdasarkan hadis-hadis di atas, terdapat perbezaan yang ketara pada beberapa elemen yang melibatkan metode penulisan hadis dalam kedua-dua karya ini. Sebagai contoh, hadis daripada sumber *Bulugh al-Maram* di atas ditulis dengan menyatakan perawi tertingginya, iaitu Abu Sa‘id al-Khudri RA, sebaliknya kesemua hadis daripada sumber *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* tidak menyatakan perawi tertingginya, bahkan terus disandarkan kepada Rasulullah SAW. Selain itu, hadis *Bulugh al-Maram* ditulis dengan *sighah al-jazm*, dengan menyebutkan (قالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ), sedangkan tidak semua hadis *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* menggunakan *sighah* tersebut. Bahkan terdapat dua hadis yang menggunakan *sighah tamrid* seperti (رَوَى) dan (عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) yang menunjukkan tandanya kedaifan (al-Ghawri 2007).

Pada masa yang sama, metode penulisan hadis dalam karya *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* juga dilihat bermasalah apabila pengarang tidak menamakan sumber ambilan hadisnya. Hal ini dapat dilihat dalam kesemua contoh hadis di atas. Pendekatan berbeza diambil oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani (2014) apabila beliau secara jelas menamakan al-Tirmidhi sebagai sumber asal ambilan dalam contoh hadis *Bulugh al-Maram* tersebut. Perkara ini diperkuuhkan lagi melalui dapatan Mohd Nor Adzhar (2014) bahawa pencarian sumber hadis yang dilakukan mendapati hadis-hadis yang dimuatkan dalam karya *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* ini bukanlah dinukilkhan dari pada sumber primer, bahkan tidak direkodkan langsung dalam mana-mana karya hadis yang muktabar seperti karya *al-sahih* dan *al-sunan*. Sebaliknya, hadis-hadis ini hanya ditemui dalam karya-karya sekunder berbentuk penyucian jiwa seperti *al-adab wa al-raqa‘iq*, ataupun karya-karya berbentuk lain seperti karya *al-takhrij*, *al-masanid*, *al-ma‘ajim*, *al-tarikh*, dan sebagainya.

Di samping itu, terdapat juga perbezaan yang ketara dari sudut komentar terhadap hadis. Jika diperhalusi contoh hadis *Bulugh al-Maram* di atas, Ibn Hajar al-‘Asqalani (2014) memberikan komentar terhadap hadis yang beliau nukilkhan dengan mengkritik sanadnya sebagai daif. Namun aspek ini sama sekali tidak kelihatan pada kesemua hadis *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad*. Selain itu, hadis yang dinukilkhan oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani (2014) dalam *Bulugh al-Maram* di atas tidak dimuatkan dalam *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* (Ibn Hajar al-‘Asqalani t.t.). Jika benar *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* merupakan karya asli Ibn Hajar al-‘Asqalani, sewajarnya hadis-hadis tersebut turut dinukilkhan dalam karya *Bulugh al-Maram* kerana menepati tema dan topik perbincangan kedua-dua karya tersebut yang mengkhususkan aspek *al-targhib wa al-tarhib*. Walau bagaimanapun, hal ini tidak terjadi. Oleh itu, kesemua dapatan di atas mengesahkan pandangan Syakir Mahmud ‘Abd al-Mun‘im (1997) bahawa gaya bahasa dan metode yang diguna pakai dalam karya *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* berbeza dengan metode penulisan hadis Ibn Hajar al-‘Asqalani, sama ada dari aspek penjelasan terhadap sanad, pemilihan teks hadis serta kritikan terhadapnya.

Sebagai tambahan, kajian *takhrij* yang dilakukan oleh Mohd Nor Adzhar (2014) terhadap kesemua 51 hadis yang terdapat dalam karya *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* menunjukkan kebanyakan hadis ini bermasalah seperti memiliki sifat-sifat *da‘if*, dinilai sebagai palsu, tidak diketahui statusnya dan tidak ditemui sumbernya. Masalah-masalah yang dinyatakan ini merekodkan peratusan yang sangat besar, iaitu sebanyak 94.1%. Di samping lambakan hadis yang bermasalah di dalam karya ini, peratusan hadis yang bersambung rantaian sanadnya kepada Rasulullah s.a.w secara *marfu‘* juga adalah sangat sedikit, iaitu sebanyak 33.3% sahaja. Kesemua situasi di atas menggambarkan tahap penguasaan

penulis *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* yang kurang mahir dengan hadis dan disiplin ilmunya, seterusnya memustahilkan penisbahan karya ini sebagai hasil penulisan yang autentik milik Ibn Hajar al-‘Asqalani.

PERAKUAN ULAMA SEZAMAN DAN MURID TERDEKAT

Peranan ulama sezaman atau murid terdekat dalam memperakui penyandaran sesebuah karya kepada pengarangnya adalah sangat penting dalam menjustifikasi keabsahan penyandaran tersebut. Salah satu caranya ialah melalui jalan periwayatan sebagaimana yang telah dijelaskan dalam bahagian awal makalah ini. Namun dalam kes karya *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* ini, sumber semasa bagi zaman Ibn Hajar al-‘Asqalani atau zaman anak muridnya tidak menyebut tentang karya ini, apatah lagi menyadarkannya kepada beliau (Syakir Mahmud ‘Abd al-Mun‘im 1997). Malah, ketika al-Sakhawi (1999) menulis biografi gurunya dalam sebuah karya berjudul *al-Jawahir wa al-Durar*, beliau menyenaraikan kesemua 273 karya yang ditulis oleh Ibn Hajar al-‘Asqalani, namun tidak menyebut tentang *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* sebagai salah satu karya gurunya itu. Hal ini memperlihatkan penyandaran karya *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani adalah suatu bentuk pendustaan ke atasnya. Selaku tokoh yang terkenal sebagai seorang anak murid kanan kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani, agak mustahil untuk mengandaikan al-Sakhawi tidak mengetahui tentang kewujudan karya ini jika benar ia ditulis oleh gurunya. Justeru, kajian ini menyimpulkan bahawa karya *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* masih tidak boleh diabsahkan sebagai karya tulisan Ibn Hajar al-‘Asqalani kerana ketiadaan perakuan tentangnya daripada ulama sezaman, terutamanya daripada murid kanan yang terdekat.

CATATAN AHLI BIOGRAFI DAN BIBLIOGRAFI TERKEMUDIAN

Ahli biografi dan bibliografi yang datang terkemudian daripada seseorang tokoh lazimnya dapat memberikan input tentang ketokohan dan karya penulisannya. Hal ini adalah sedia maklum dalam kajian ketokohan ulama silam. Justeru itu, didapati banyak penulisan sebegini dihasilkan seperti karya *Siyar al-A‘lam al-Nubala’* oleh al-Dhahabi dan sebagainya. Merujuk kepada ketokohan Ibn Hajar al-‘Asqalani, biografi beliau ditulis oleh para sarjana Islam terkemudian seperti al-Syawkani (t.t)

dalam karya *al-Badr al-Tali‘*, Isma‘il Basya (1951) dalam *Hadiyyah al-‘Arifin* dan al-Zirikli (2002) dalam *al-A‘lam*. Namun, kesemua mereka tidak menyebut perihal *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* sebagai salah satu karya Ibn Hajar al-‘Asqalani. Bahkan, ‘Abd al-Sattar al-Syaikh (1992) selaku pengkaji kontemporari yang menulis secara khusus tentang biografi Ibn Hajar al-‘Asqalani juga tidak memasukkan karya ini dalam senarai penulisannya. Dalam masa yang sama, Haji Khalifah (1941) dan al-Zirikli (2002) secara jelas menyatakan bahawa *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* adalah karya Zayn al-Qudat Ahmad bin Muhammad al-Hajji. Justeru, catatan ahli biografi dan bibliografi terkemudian yang dinyatakan di atas mengukuhkan lagi dapatan kajian ini bahawa karya *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* sama sekali tidak wajar disandarkan kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani. Walau bagaimanapun, menurut kajian Mohd Nor Adzhar (2014), individu bernama Ahmad bin Muhammad al-Hajji tidak dapat dikenal pasti secara tepat kerana kekurangan maklumat tentang dirinya.

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Karya *al-Isti‘dad li Yawm al-Ma‘ad* ini didapati sangat bermasalah dalam pelbagai sudut. Perbezaan maklumat yang ketara dalam soal menyandarkan karya ini kepada pengarangnya sudah cukup untuk menimbulkan keraguan terhadap isu penulis sebenar karya ini. Maklumat-maklumat yang dapat dilihat sama ada pada manuskrip yang telah berusia ratusan tahun ataupun pada karya moden yang bercetak menggambarkan ketidakabsahan penyandaran tersebut. Selain daripada isu perbezaan nama pengarang, persembahan karya ini juga tidak mencerminkan hasil penulisan Ibn Hajar al-‘Asqalani. Kewujudan banyak hadis yang tidak *marfu‘* kepada Rasulullah SAW dilihat sebagai bermasalah kerana ia menjaskan status hadis. Keadaan bertambah buruk apabila hadis yang disenaraikan tidak dinyatakan sumber. Selepas dianalisis, didapati 94.1% tidak berstatus *maqbul*. Masalah-masalah ini menjadi justifikasi jelas dalam mempersoal isu keabsahan penyandaran karya ini kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani. Selaku tokoh agung dalam bidang hadis, sudah tentu beliau memiliki piawaian yang tinggi dan metode unggul dalam penulisan hadis. Namun, perkara itu tidak ditemui dalam karya ini. Justeru, karya ini dicadangkan agar tidak terus disandarkan lagi kepada Ibn Hajar al-‘Asqalani sebagaimana yang mahsyur pada hari

ini kerana penyandaran ini sudah pasti mencalarkan reputasi beliau selaku *Amir al-Mu'minin fi al-Hadith*.

Rentetan itu, penyandaran sesebuah karya kepada pengarang asal wajar diberikan penekanan oleh penyunting yang bertindak mengurus sesebuah manuskrip. Keabsahan sesebuah manuskrip kepada pengarangnya merupakan sumbangan terbesar penyunting kepada para penuntut ilmu. Hal ini kerana rata-rata penuntut ilmu di peringkat awam tidak mempunyai kepakaran untuk meneliti dan membuat pengesahan keabsahan penyandaran sesuatu karya kepada pengarangnya. Isu penyandaran karya kepada penulisnya dititikberatkan dalam ilmu kajian manuskrip, terutamanya melibatkan teks agama yang dikatakan ditulis oleh tokoh-tokoh besar dalam sejarah Islam. Masalah akan timbul apabila sesebuah manuskrip tidak disunting dengan teliti dan tidak diberikan hak sepatutnya sehingga pembaca yang membaca karya bercetak yang terhasil itu berasa curiga terhadap ketokohan, nilai ilmu dan metodologi pengarangnya.

SUMBANGAN PENGARANG

Konseptualisasi, Mohd Nor Adzhar Ibrahim; metodologi, Mohammad Naqib Hamdan dan Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir; kesahan, Mohd Nor Adzhar Ibrahim dan Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir; analisis formal, Mohd Nor Adzhar Ibrahim; penelitian, Mohd Nor Adzhar Ibrahim; sumber, Mohd Nor Adzhar Ibrahim dan Muhammad Sobri Faisal; organisasi data, Mohd Nor Adzhar Ibrahim; penulisan-persediaan draf asal, Mohd Nor Adzhar Ibrahim; penulisan-suntingan, semua pengarang; pemerolehan dana, Mohammad Naqib Hamdan, Mohd Khairulnazrin Mohd Nasir dan Muhammad Sobri Faisal. Semua pengarang telah membaca dan bersetuju menerima versi manuskrip yang diterbitkan.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Tawwab, R. 1985. *Manahij Tahqiq al-Turath bayna al-Qudama wa al-Muhdathin*. Kaherah: Matba‘ah al-Madani.
- ‘Ali Salman, M. H. 1995. *Kutub Hadhdhar minha al-Ulama*. Riyadh: Dar al-‘Asimi.
- Abd Hadi Borham, Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Wahyu Hidayat Abdullah & Abdul Ghafar Don. 2020. Penerimaan Pengajian Takmir di Institusi Masjid sebagai Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) bagi Pengukuhan Kefahaman Islam dalam Masyarakat Muslim. *Islamiyyat: International Journal of Islamic Studies* 42(2). <https://doi.org/10.17576/islamiyat-2020-4202-14>
- Ahmad Levi Fachrul Avivy & Jawiah Dakir. 2012. Methodology of writing hadith in the works of Muhammad Nawawi al-Bantani. *Journal of Applied Sciences Research* 8(4): 2187-2192.
- Ahmad Levi Fachrul Avivy, Jawiah Dakir & Mazlan Ibrahim. 2015. Isra’iliyyat in interpretive literature of Indonesia: A comparison between Tafsir Marah Labid and Tafsir al-Azhar. *Mediterranean Journal of Social Sciences* 6(3): 401-407.
- Al-Anis, ‘A. H. 2022. *al-Tawthiq al-‘Ilmi Ahammiyatuh wa Turuquh*. Dubai: Islamic Affairs & Charitable Activities Department.
- Arwansyah Kirin, Faisal Husen Ismail & Abd Shakor Borham. 2020. Karya Nasa’ih al-‘Ibad oleh Nawawi al-Bantani dan Siraj al-Talibin oleh Ihsan Muhammad Dahlan al-Jampasi al-Kediri: Kajian perbandingan terhadap metode penulisan hadith. *Jurnal Usuluddin* 48(1): 33-56.
- Arwansyah Kirin, Wan Ainaa Mardhiah, Siti Marpuah, Faisal Husen Ismail, Muhammad Masruri & Riki Rahman. 2023. The Book of Nasa’ih Al-‘Ibad and Tanqih Al-Qaul by Shaykh Nawawi Al-Banteni: A comparative study on the method of syarh hadith. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences* 13(1): 109 – 121.
- Arwansyah Kirin. 2016. *Hadith-hadith daif dan palsu dalam Nasa’ih al-‘Ibad oleh Nawawi Banten: Pengaruhnya terhadap masyarakat Islam di Sumatera*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Al-Baghdadi, I. B. 1951. *Hadiyyah al-‘Arifin Asma’ al-Muallifin wa Athar al-Musannifin*, Muassasah al-Tarikh al-‘Arabi.
- Benedetto, D. Caglioti & E. Loreto, V. 2002. Language trees and zipping. *Physical Review Letters* 88(4): 048702. <https://doi.org/10.1103/PhysRevLett.88.048702>
- Brockelmann, C. 1937. *Geschichte der arabischen Litteratur*. Leiden: E.J. Brill.
- Buzghaybah, M. .2022. *Manhaj Tahqiq al-Makhtut ‘ind al-Muhaddithin: al-Qadi ‘Iyad Anmudhajan*. Kaherah: Institute of Arabic Manuscripts.
- Craiger, P. & Shenoi, S. 2007. Advances in Digital Forensics III: IFIP International Conference on Digital Forensics, National Center for Forensic Science, Orlando Florida, January 28-January 31, 2007 (Vol. 242). Springer.

- Daiber, H. 1988. *Catalogue of the Arabic manuscripts in the Daiber Collection*. Tokyo: Institute of Oriental Culture, University of Tokyo.
- Damanhuri. 2007. *Studi Kualitas Sanad Dan Matan Hadis Dalam Kitab Nasaih Al-'Ibad Pada Bab Al-Suba'iyy Tentang Larangan Tertawa*. Kertas Projek Ijazah Sarjana Muda. Jakarta: Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Al-Dhababi, M. A. 1990. *Tarikh al-Islam*. Ed. 'Umar 'Abd al-Salam Tadmuri. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi.
- Endang Mukhlis Hidayat. 2011. *Kajian Takhrij Hadith dalam Kitab Nasaih al-'Ibad*. Disertasi Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Al-Ghawri, S. 'A. M. 2007. *Mu'jam Mustalahat al-Hadithiyyah*, Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Haji Khalifah. 1941. *Kasyf al-Zunun 'an Asami al-Kutub wa al-Funun*. Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, A. 'A. 1986. *al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad*. Ed. 'Adil Abu al-Ma'ati. Kaherah: al-Basyir li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, A. 'A. 2003. *al-Munabbihat 'ala al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad*. Ed. Muhammad Adib al-Jadu. Kuwait: Dar Iqra' li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, A. 'A. 2013. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Ed. Syu'aib al-Arna'ut. Beirut: Muassasah al-Risalah.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, A. 'A. 2014. *Bulugh al-Maram min Adillah al-Ahkam*. Ed. Mahir Yasin al-Fahl. Riyadh: Dar al-Qabas li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, A. 'A. t.t. *al-Isti'dad li Yawm al-Ma'ad*. Ed. 'Umar al-Dirawi Abu Hajlah. Beirut: Muassasah al-Ma'arif.
- Jawiah Dakir, Ahmad Levi Fachrul Avivy, Wan Nasryuddin Wan Abdullah, Mazlan Ibrahim, Ahamad Asmadi Sakat, Muhd Najib Abdul Kadir & Mohd Nazri Ahmad. 2012. The trail of hadith scholars and their works in the Malay region. *Advances in Natural and Applied Sciences* 6(7): 1156-1161.
- Jumu'ah, M. 'A. 2004. *al-Madkhal ila Dirasah al-Madhahib al-Fiqhiyyah*. Kaerah: Dar al-Salam.
- Juola, P. 2008. Authorship attribution. *Foundations and Trends® in Information Retrieval* 1(3): 233-334.
- Al-Katib, I. I. 1969. *al-Burhan fi Wujuh al-Bayan*. Ed. Hanafi Muhammad Syaraf. Kaherah: Maktabah al-Syabab.
- Love, H. 2002. *Attributing authorship: An introduction*. Cambridge University Press.
- McMenamin, G. R. 2002. *Forensic Linguistics: Advances in Forensic Stylistics*. Florida: CRC press.
- Mehri, A., Darooneh, A. H., Shariati, A. 2012. The complex networks approach for authorship attribution of book. *Physica A: Statistical Mechanics and its Applications* 391(7): 2429-2437.
- Mingana, A. 2008. *Catalogue of the Mingana Collection of Manuscripts*. New Jersey: Gorgias Press.
- Mohd. Napiyah Abdullah. 1982. *Sahih al-Bukhari: Kitab Hadith Yang Disusun Pada Abad Ketiga Hijrah*. *Islamia: International Journal of Islamic Studies* 4.
- Mosteller, F., & Wallace, D. L. 1963. Inference in an authorship problem. *Journal of the American Statistical Association*, 58(302): 275-309. doi:10.1080/01621459.1963.10500849
- Muhammad Mukhlis Mohd Yunus & Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusoff. 2015. Pengenalan Kitab Syarah al-Hadith Dalam Bahasa Melayu. *Kajian al-Hadith*. Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research (CQR), Universiti of Malaya.
- Nur Syahadah Mohamed & Mohd Akil Muhammed Ali. 2016. Tahap Pengetahuan dan Persepsi Pelajar terhadap Pengajian Hadith di Universiti Sultan Zainal Abidin. *Islamia: International Journal of Islamic Studies* 38(2). <http://dx.doi.org/10.17576/islamia-2016-3802-08>
- Putnins, T. J., Signoriello, D. J., Jain, S., Berryman, M. J. and Abbott, D. 2006. Advanced text authorship detection methods and their application to biblical texts. *Journal of Complex Systems: Microelectronics, MEMS and Nanotechnology* 1-13. <https://ro.uow.edu.au/engpapers/4901>
- Rosso, O. A., Craig, H. and Moscato, P. 2009. Shakespeare and other English Renaissance authors as characterized by Information Theory complexity quantifiers. *Physica A: Statistical Mechanics and its Applications* 388: 916-926. <https://doi.org/10.1016/j.physa.2008.11.018>
- S. Havlin. 1995. The distance between Zipf plots. *Physica A: Statistical Mechanics and its Applications* 216: 148-150. [https://doi.org/10.1016/0378-4371\(95\)00069-J](https://doi.org/10.1016/0378-4371(95)00069-J)
- Saeepulloh. 2006. *Takhrij Hadis kitab Nasa'i Al-'Ibad : kajian analisis sanad dalam bab al-Suba'iyy*. Kertas Projek Ijazah Sarjana Muda. Jakarta: Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Saifuddin Zuhri Qudsya, Zaenudin Hudi Prasojo, Ahmad Rafiq & Teuku Zulfikar. 2021. The social history of Ashab Al-Jawiyyin and the hadith transmission in the 17th century Nusantara. *Islamia 43(2)*. <https://doi.org/10.17576/islamia-2021-4302-09>
- Al-Sakhawi, M. 'A. R. 1999. *al-Jawahir wa al-Durar fi Tarjamah Syaikh al-Islam Ibn Hajar*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Siti Ulfah. 2008. *Analisis Terjemahan I. Solihin terhadap Nasa'i Al-'Ibad karya Ibn Hajar al-Asqalani (Study Kasus Model Terjemah dan Kalimat Efektif)*. Kertas Projek Ijazah Sarjana Muda. Jakarta: Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah.
- Steenbrink, K. A. 1984. *Beberapa Aspek Tentang Islam di Indonesia Abad ke 19*. Jakarta: Terjemahan Bulan Bintang.

- Al-Syaikh, 'A. S. 1992. *al-Hafiz Ibn Hajar al-'Asqalani Amir al-Mu'minin fi al-Hadith*. Dimasyq: Dar al-Qalam.
- Al-Syawkani, , M. 'A. t.t. *al-Badr al-Tali' bi Mahasin man ba'd al-Qarn al-Sabi'*, Kaherah: Dar al-Kitab al-Islami.
- Urwatul Wusqa. 2004. *Kajian Hadith Kitab Nasaih al-'Ibad*. Disertasi Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yang, C. A. C. -C. Peng, -K. Yien, H. -W. & Goldberger, A. L. 2003. Information categorization approach to literary authorship disputes. *Physica A: Statistical Mechanics and its Applications* 329: 473-483. [https://doi.org/10.1016/S0378-4371\(03\)00622-8](https://doi.org/10.1016/S0378-4371(03)00622-8)
- Al-Zirikli, K. M. 2002. *Al-A'lam Qamus Tarajim*. Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayin.